

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN CHONG CHIENG JEN
KAWASAN : BANDAR KUCHING
TARIKH : 18 JUN 2014, RABU

SOALAN:

YB. TUAN CHONG CHIENG JEN (BANDAR KUCHING) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apa sebab projek pembinaan Jambatan Batang Samarahan ditangguhkan walaupun *Sarawak Building and Civil Engineering Contractors Association* telah mengesah dan juga menawarkan diri untuk menyiapkan projek tersebut dalam anggaran RM150 juta yang telah diluluskan oleh Kerajaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan projek Jambatan Batang Samarahan, Sarawak yang menghubungkan kawasan Asajaya dengan Kota Samarahan tidak ditangguhkan, sebaliknya kerja-kerja pembinaan dijangka akan dapat dimulakan pada tahun ini (2014). Berdasarkan perancangan, projek Jambatan Batang Samarahan ini dijangka akan dimulakan pada bulan September 2014 dan bakal siap dalam tempoh 36 bulan. Lokasi jambatan ini terletak berhampiran pangkalan feri Sungai Samarahan sedia ada.

Pelaksanaan projek ini telah mengalami sedikit kelewatan berbanding perancangan asal berikutan ia terpaksa melalui proses tender semula. Ini kerana cadangan harga kontrak yang dikemukakan oleh para petender telah melebihi anggaran harga yang ditetapkan oleh pihak JKR. Sehubungan itu para penender terlibat telah mengemukakan semula cadangan harga kontrak yang baru dengan mengambil kira skop dan anggaran harga jabatan. Pada masa kini ia sedang dalam peringkat penilaian tender dan surat setuju terima kepada petender yang berjaya dijangka akan dikeluarkan dalam tempoh masa terdekat.

Sekian. Terima kasih.